

Tiada faedah sokong pembangkang yang hanya pandai berjanji—PM

UM 20 AUG 1990

PULAU PINANG 19 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan penduduk di bandar-bandar bahawa tidak ada faedah menyokong parti pembangkang yang hanya pandai berjanji dalam pilihanraya umum akan datang dan merugikan diri mereka sendiri sahaja.

"Saya tak faham kenapa orang-orang dalam bandar tolak Barisan Nasional sedangkan kita membuat banyak bakti kepada rakyat dalam bandar", ujar Perdana Menteri.

Katanya, kerajaan sedar kadang-kadang agak sukar sedikit bagi kerajaan Barisan Nasional dan calon-calon untuk mendapat kemenangan dalam bandar.

"Rakyat dalam bandar mendapat macam-macam kemudahan, mereka hidup dalam bandar dengan lebih selesa, lebih baik lagi daripada dahulu," ujar Dato' Sri Dr. Mahathir ketika berucap di majlis perasmian Tangga Utama dan Medan Pejalan Kaki KOMTAR di sini petang ini.

Turut berucap ialah Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu dan turut hadir para pemimpin parti komponen Barisan Nasional termasuk Presiden MCA, Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik, Presiden Gerakan Dato' Sri Dr. Lim Kheng Yaik, Presiden MIC Dato' Sri S. Samy Vellu, Setiausaha Agung UMNO, Dato' Mohamed Rahmat yang juga Menteri Penerangan, Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim dan para pemimpin Barisan Nasional Negeri.

Sebelum itu, Dato' Sri Dr. Mahathir selaku Pengerusi Barisan Nasional telah mengadakan perjumpaan tertutup kira-kira sejam dengan para pemimpin Barisan Nasional Negeri dan bahagian-bahagian negeri ini di KOMTAR.

Bagaimana pun, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata ada fikiran kononnya ada tempat sepatutnya diberi kepada orang-orang lain dan jangan kepada Barisan Nasional sahaja.

"Ini merugikan tuan-tuan dan puan-puan yang tinggal di bandar ini sendiri", tambah Perdana Menteri.

Beliau mengingatkan bahawa tidak ada faedahnya memilih orang yang tidak mungkin membentuk kerajaan dalam pilihanraya umum akan datang kerana ia tidak ada faedah sama sekali.

Perdana Menteri berkata, dalam sistem demokrasi hanya kerajaan yang boleh menolong rakyat sedangkan pihak yang bukan kerajaan tak boleh menolong rakyat.

"Mereka hanya boleh mengkritik, cekap membaling buku, itu sahaja kebolehan mereka", tambah Dato' Sri Dr. Mahathir secara berseloroh mengimbas kembali peristiwa 'baling buku' yang dilakukan oleh pihak pembangkang dalam Sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Mengenai kebebasan bercakap pula, beliau sebaliknya berkata mereka (pihak pembangkang) menggunakan kebebasan itu untuk memaki hamun Speaker dan sebagainya yang merupakan cara mereka.

Dato' Sri Dr. Mahathir sebaliknya menyebut bahawa pemimpin-pemimpin dalam Barisan Nasional sepanjang masa memikir apa lagi yang patut dibuat untuk rakyat baik dalam bandar dan di luar bandar.

Menurutnya, kerajaan Barisan Nasional membangunkan kawasan luar bandar tetapi tidak pula melupakan bandar-bandar.

Mengenai kemajuan yang dicapai oleh Pulau Pinang di bawah pimpinan Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu, beliau menyarankan kepada orang-orang Pulau Pinang mesti menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat pelancongan dan pusat membeli-belah yang terkenal dan menguntungkan negara.

Menurutnya, Pulau Pinang kini sudah terkenal sebagai pusat pelancongan dunia di mana beliau kadangkala iri-hati bila berada di luar negeri orang luar lebih kenal kepada Pulau Pinang tetapi tidak tahu tentang Malaysia.